



English | Malay | 中文 | العربية | Español



Get your Motor & Non Motor  
Takaful coverage here!



BERNAMA > BERITA

## Jururawat Dialisis Diraikan oleh Kelab Rotary Petaling Jaya

SUBANG JAYA, Okt 22 (Bernama) - Kelab Rotary Petaling Jaya (RCPJ) hari ini telah memberi "Anugerah Perkhidmatan Vokasional Negeri Selangor" kepada lima orang jururawat yang telah berkhidmat sekian lama di buah pusat perubatan berbentuk NGO.

Sempena sambutan bulan vokasional yang diraikan di seluruh dunia, RCPJ memilih pemberian anugerah kepada jururawat dialisis yang telah banyak berkhidmat untuk komuniti masing-masing.. Presiden Kelab Kapten H S Dharan berkata bahawa program ini dilaksanakan setiap tahun untuk memberi penghargaan kepada apa jua profesion atau pekerjaan yang telah menyumbang terhadap pembedukkan satu masyarakat ataupun komuniti. Anugerah ini juga diberi sebagai perangsang, dorongan serta inspirasi kepada pemenang supaya mereka sedar bahawa perkhidmatan mereka dihargai dan adalah penting buat semua. Pemenang-pemenang bagi Anugerah Perkhidmatan Vokasional Negeri Selangor" telah dipilih mengikut satu proses terperinci melalui prestasi masing-masing serta maklumbalas daripada penyelia dan pesakit-pesakit. Pemenang-pemenang pada tahun ini adalah Siti Fatimah Bt. Basir dari National Kidney Foundation – Pusat Dialisis Petaling Jaya, Rosmah Bt. Mohd Said dari National Kidney Foundation - Rotary Damansara Dialysis Centre, Sumathi A/P Subramaniam dari St John Ambulance – KPS Banting Haemodialysis Station, Hazlina Binti Helmi dari St John Ambulance - KPS Rawang Pusat Hemodialisis and Siti Zamidah Muhammad dari MAA Medicare - Kajang Dialysis Centre. Semua pemenang diberi sijil penghargaan beserta Olympus VG-165 camera.

-- BERNAMA



PRESIDEN Kelab Rotary  
Petaling Jaya (RCPJ)  
Kapten H S Dharan (empat  
dari kiri) melihat sijil  
Anugerah Penghargaan  
Vokasional Negeri Selangor  
yang diterima jururawat.